

Teksi air ganti feri di Pulau Pinang

Khidmat feri untuk kenderaan empat tayar ditamatkan bermula 1 Januari 2021

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Perkhidmatan feri di Pulau Pinang untuk kenderaan empat tayar akan dihentikan bermula 1 Januari ini.

Sebaliknya, feri sedia ada akan terus beroperasi untuk kegunaan pengangkutan motosikal dan basikal sahaja.

Bagaimanapun, perkhidmatan feri untuk penumpang, motosikal dan basikal itu akan diambil alih oleh Penang Port Sdn Bhd (PPSB) daripada Prasarana Malaysia Berhad bermula tarikh tersebut.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng berkata, PPSB akan menyediakan perkhidmatan katamaran untuk penumpang, motosikal dan basikal bagi menggantikan feri.

Untuk sementara, katanya, perkhidmatan bagi penumpang



Teik Cheng (kanan) bersama Sasedharan (kiri) menerangkan tentang perkhidmatan teksi air yang akan digunakan bagi menggantikan feri bermula Julai 2022 pada sidang akhbar di Georgetown pada Selasa.



Teksi air yang akan digunakan bagi membawa penumpang di Pulau Pinang nanti.

akan menggunakan feri laju manakala untuk motosikal serta basikal menggunakan feri sedia ada.

“Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan sebanyak RM30 juta kepada PPSB untuk pembelian empat buah katamaran. Oleh itu, bermula 1 Januari 2021 hingga Jun 2022, penggunaan feri laju dan feri sedia ada adalah langkah interim sebelum empat katamaran yang akan dijadikan teksi air dan *vehicle transporter* digunakan.

“Semasa tempoh interim, kedua-dua terminal Pangkalan

Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim akan diubah suai dan dinaik taraf bagi mengendalikan feri baharu dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap selain terminal lebih selesa kepada pengguna,” katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel di sini pada Selasa.

Beliau berkata, sepanjang pengubahsuaian tersebut, terminal di Georgetown dipindahkan sementara ke Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT).

“Kesemua kenderaan empat tayar tersebut perlu menggunakan Jambatan Pulau Pinang atau

Jambatan Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah seperti yang diputuskan Jemaah Menteri,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, V Sasedharan berkata, teksi air yang akan digunakan bermula Julai 2022 mampu membawa 200 penumpang dalam satu masa.

Menurutnya, ia akan mengambil masa 10 hingga 15 minit untuk satu perjalanan dengan jangkaan 40 perjalanan setiap hari.

“Dua buah teksi air akan beroperasi dalam satu tempoh yang

sama bagi melancarkan perjalanan membawa penumpang. Penggantian kepada bot jenis katamaran ini juga mengambil kira penjimatan yang dapat dilakukan memandangkan bot jenis ini mudah diselenggara.

“Berbanding feri sedia ada ketika ini, kos membaiki sebuah feri mencecah sehingga RM2.2 juta dan kita juga sukar mendapatkan alat ganti kerana perlu diimport dari Jerman dan Sweden. Ia menjadi lebih sukar apabila kita berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana Covid-19,” katanya.